

Proses cerai hanya 6 jam

» **JAKESS atasi kerenah birokrasi selesai kes secara fast track**

Oleh **Norashikin Leman**
bhnews@bh.com.my

► **Shah Alam**

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) 'mempermudahkan' proses kerja perceraian daripada 90 hari kepada enam jam bagi mengatasi masalah kerenah birokrasi penyelesaian kes cerai di negeri ini.

Bagaimanapun, proses perceraian *fast track* itu hanya untuk penyelesaian kes cerai dengan talak yang difailkan secara persetujuan bersama di bawah Seksyen 47 Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor (2003).

Ketua Hakim Syarie Sela-

ngor, Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata pelaksanaan kes cerai itu memerlukan dokumen lengkap, pasangan suami isteri hadir, persetujuan bersama untuk bercerai, isteri dalam keadaan suci dan tidak dicampur, tidak mengandung, putus haid atau tidak pernah disetubuhi dalam tempoh perkahwinan serta mahkamah berpuas hati dengan alasan pecah belah (syiqaq).

Langkah berkesan

"Sejak pelaksanaannya pada Jun lalu di 12 Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor, proses kerja *fast track* menyelesaikan 308 kes," katanya pada sidang media Majlis Pelancaran Proses Kerja 'Kes Cerai Fast Track', di Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah, di sini, semalam.

Menolak tanggapan proses kerja itu menggalakkan kes perceraian meningkat, Mohd Na'im berkata, ia dilaksanakan bagi membantu mangsa kes perceraian terutama wanita untuk mendapatkan keadilan serta kehidupan yang lebih baik.



“^{BH}
4/7/2015
ia dilaksanakan ^{ms} 4
bagi membantu
mangsa kes
perceraian terutama
wanita untuk dapatkan
keadilan dan
kehidupan lebih baik”

Mohd Na'im Mokhtar,
Ketua Hakim Syarie Selangor

Ikut peraturan ditetapkan
"Tidak timbul isu menggalakkan pasangan bercerai kerana proses itu masih lagi mengikut beberapa syarat tetap proses perceraian walaupun kerenah birokrasi dalam proses penyelesaian itu dikurangkan," katanya.

Selangor mencatat kes perceraian tertinggi dengan jumlah pendaftaran kes sebanyak 22,230 kes pada tahun 2014 berbanding 19,932 kes pada tahun 2013.

Mohd Na'im berkata, antara faktor kes cerai yang semakin meningkat membabitkan pasangan yang berkahwin kurang daripada lima tahun, selain pasangan berusia 40 tahun ke bawah," katanya.

Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online